

11/06/2002

Petronas keluar enjin kereta 2004

Khaidir Abdul Majid

HINWIL (SWITZERLAND), Isnin - Petronas akan memulakan pengeluaran komersial enjin kereta yang direka bentuk dan dibangunkan sendiri oleh rakyat Malaysia, menjelang 2004.

Syarikat minyak nasional itu kini berunding dengan Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) supaya enjin berkenaan dapat digunakan sekurang-kurangnya bagi satu daripada model kereta Proton.

Pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin, berkata enjin yang bakal dikeluarkan Petronas nanti berkuasa 1.8 dan 2.2 liter.

Beliau memberitahu wartawan Malaysia selepas mengiringi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat Sauber Petronas Engineering AG (SPE) dan Sauber Motorsports AG, di sini hari ini.

SPE, syarikat yang dimiliki 40 peratus oleh Petronas, berjaya menghasilkan enjin prototaip 2.0 liter berasaskan teknologi Formula Satu pada 1998 dengan pembabitan sekumpulan 15 jurutera Malaysia.

Sejak itu, pelbagai ujian dilaksanakan berdasarkan enjin prototaip berkenaan termasuk ke atas model Waja, Satria dan Perdana. Enjin itu kini sudah sedia untuk dikeluarkan secara komersial.

"Enjin yang bakal dikeluarkan adalah sesuatu yang terkini dari segi teknologi. Ia adalah enjin berprestasi tinggi, kecil dan padat serta memenuhi keperluan peraturan alam sekitar, termasuk standard Eropah.

"Ia juga sporty dan berkuasa tinggi," kata Azizan yang menganggap kejayaan mereka bentuk dan membangunkan enjin berkenaan sebagai satu kejayaan industri automotif negara.

Walaupun sebahagian besar komponen yang digunakan dalam pengeluaran kereta Proton dihasilkan dalam negara, satu daripada komponen penting iaitu enjin, masih diimport.

Dengan pengeluaran enjin sendiri, Malaysia bergerak setapak lagi dalam meningkatkan kepakarannya dalam industri automotif selepas berjaya mereka bentuk sendiri badan model terbaru Proton, iaitu Waja.

Azizan berkata, Petronas berusaha membangun dan mengeluarkan enjin yang direka bentuk rakyat Malaysia bertujuan memastikan negara mampu meningkatkan keupayaan kejuruteraannya.

"Keupayaan ini tidak terbatas kepada enjin kereta saja kerana ia boleh juga digunakan untuk membangunkan enjin lain, termasuk yang menggunakan gas sebagai bahan api," katanya.

Beliau berkata, Petronas bukan saja mahu terkenal sebagai pengeluar minyak tetapi juga sebagai syarikat yang mempunyai kepakaran kejuruteraan yang tinggi.

"Malaysia perlu memajukan kepakaran ini untuk memastikan ia terus berdaya saing. Kita tidak boleh terus bergantung kepada kegiatan teknologi rendah, sebaliknya kita harus sentiasa meningkatkan keupayaan," katanya.

Azizan berkata negara sudah membuktikan bahawa ia mampu ke hadapan dalam bidang teknologi maklumat (IT) selepas pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC).

"Berikutan pembangunan MSC, keupayaan negara dalam IT menyerlah. Sebagai contoh kegunaan pembayaran tol secara automatik di lebuh raya di negara kita adalah sesuatu yang belum digunakan di kebanyakan negara maju.

"Kini banyak negara melihat kepada Malaysia untuk mendapatkan kepakaran IT. Petronas berharap perkara yang sama akan berlaku untuk kepakaran kejuruteraan," katanya.

(END)

